



LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT | SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

Aras 10, Blok C7, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62520 PUTRAJAYA

Tel: 03-8885 6335 | Faks: 03-8888 5037

www.spkp.gov.my

LAPORAN TAHUNAN 2015

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION

2015



LAPORAN TAHUNAN 2015

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION



KANDUNGAN CONTENTS

Bil.	Perkara	Muka Surat
1	Penubuhan <i>Establishment</i>	1
2	Bidang Kuasa Dan Fungsi <i>Jurisdiction And Functions</i>	1
3	Keanggotaan Suruhanjaya <i>Membership Of The Commission</i>	2
4	Carta Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan <i>Organisational Chart Of The Judicial And Legal Service Commission</i>	3
5	Undang-Undang Dan Peraturan <i>Laws And Regulations</i>	4
6	Aktiviti Dan Urusan Yang Dilaksanakan Oleh Suruhanjaya <i>Activities Undertaken By The Commission</i>	5
7	Mesyuarat Suruhanjaya <i>Meetings Of The Commission</i>	6
8	Jemaah Pegawai <i>Board Of Officers</i>	7
9	Kertas-Kertas Untuk Pertimbangan Suruhanjaya <i>Papers For The Commission's Consideration</i>	8-10
10	Pengambilan Dan Pelantikan Ke Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan <i>Recruitment And Appointment To The Judicial And Legal Service</i>	11
11	Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen Dan Penetapan Gaji Permulaan <i>Confirmation In Service, Conferment Of Pensionable Status And Determination Of Initial Salary</i>	11-12
12	Kenaikan Pangkat <i>Promotion</i>	13
13	Pemangkuan Jawatan <i>Acting On Posts</i>	14
14	Pertukaran Sementara Dan Pinjaman <i>Temporary Transfer And Secondment</i>	15
15	Tindakan Tatatertib <i>Disciplinary Action</i>	16
16	Aktiviti Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan <i>Activities Of The Judicial And Legal Service Commission</i>	17-19

Penubuhan

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan telah ditubuhkan mengikut Fasal (1), Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan.

Bidang Kuasa Dan Fungsi

Mengikut Fasal (1), Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan meliputi semua anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Fasal (1), Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa fungsi Suruhanjaya adalah untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

Establishment

The Judicial and Legal Service Commission is established in accordance with Clause (1), Article 138 of the Federal Constitution.

Jurisdiction And Functions

In accordance with Clause (1), Article 138 of the Federal Constitution, the jurisdiction of the Judicial and Legal Service Commission covers all members of the Judicial and Legal Service. Clause (1), Article 144 of the Federal Constitution provides that the function of the Commission is to appoint, confirm, emplace on the permanent or pensionable establishment, promote, transfer and exercise disciplinary control over members of the service under its jurisdiction.

Keanggotaan Suruhanjaya

Fasal (2), Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi (yang juga merupakan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam), Peguam Negara atau, jika Peguam Negara ialah seorang ahli Parlimen atau dilantik tidak daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Peguam Cara Negara dan seorang anggota lain atau lebih yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, daripada kalangan orang yang menjadi atau pernah menjadi, atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi atau yang pernah menjadi hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia. Fasal (3), Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah juga menjadi Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Membership Of The Commission

Clause (2), Article 138 of the Federal Constitution determines that the membership of the Judicial and Legal Service Commission shall consist of a Chairman (who is also the Chairman of the Public Services Commission), the Attorney General or, if the Attorney General is a member of Parliament or is appointed otherwise than from among members of the Judicial and Legal Service, the Solicitor General and one or several other members appointed by the Yang di-Pertuan Agong, after consultation with the Chief Justice, from among persons who are or have been, or are qualified to be, a judge of the Federal Court, Court of Appeal or a High Court or shall before Malaysia Day have been a judge of the Supreme Court. Clause (3), Article 138 of the Federal Constitution provides that the Secretary to the Public Services Commission shall also be the Secretary to the Judicial and Legal Service Commission.

**CARTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
(Sehingga 31.12.2015)**

**ORGANISATIONAL CHART OF THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION
(As of 31.12.2015)**



YBhg. Tan Sri Arpah Binti Abdul Razak
**PENGERUSI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**
**CHAIRMAN OF THE JUDICIAL AND LEGAL
SERVICE COMMISSION**



YBhg. Tan Sri Dato'
Sri Haji Mohamed
Apandi Bin Ali



YAA Tan Sri Dato' Seri
Md. Raus Bin Sharif



YAA Tan Sri Dato' Seri
Zulkefli Bin Ahmad
Makinudin



YAA Tan Sri Datuk
Seri Panglima Richard
Malanjum



YA Tan Sri Azahar Bin
Mohamed



YA Datuk
Hasnah Binti Dato'
Mohammed Hashim



YA Dato
Rhodzariah Binti
Bujang

**AHLI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
MEMBERS OF THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION**



YBhg. Dato' Zainal Abidin
Bin Ahmad

**SETIAUSAHA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
SECRETARY OF THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION**

Undang-Undang Dan Peraturan-Peraturan

Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut, antara lain, termasuk :-

- i) Perlembagaan Persekutuan;
- ii) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 (Akta 393);
- iii) Kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan 1963;
- iv) Peraturan–Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012;
- v) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993; dan
- vi) Pekeliling-pekeling Perkhidmatan/ Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa.

Laws And Regulations

The functions of the Judicial and Legal Service Commission are subject to the relevant laws and regulations. The said laws and regulations, among others, include:-

- i) The Federal Constitution;*
- ii) Service Commissions Act 1957 (Act 393);*
- iii) Judicial and Legal Service Commission Rules 1963;*
- iv) Public Officers (Appointment, Promotion and Termination of Service) Regulations 2012;*
- v) Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993; and*
- vi) The enforced Service Circulars / Service Circular Letters.*

Aktiviti Dan Urusan Yang Dilaksanakan Oleh Suruhanjaya

Aktiviti dan urusan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2015 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

Activities Undertaken By The Commission

*Activities completed by the Commission in 2015 as listed in **Table 1**.*

Jadual 1

Table 1

KEDUDUKAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN DALAM TAHUN 2015

ACTIVITIES UNDERTAKEN BY THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION IN 2015

BIL. <i>NO.</i>	AKTIVITI <i>ACTIVITIES</i>	BILANGAN PEGAWAI <i>NUMBER OF OFFICERS</i>
1.	Pelantikan Pegawai Undang-Undang Gred L41 Secara Tetap <i>Appointment Of Grade L41 Legal Officers</i>	91
2.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan/Pemberian Taraf Berpencen/Opsyen KWSP / Penentuan Gaji Permulaan <i>Confirmation In Service / Conferment Of Pensionable Status / EPF Option / Determination Of Initial Salary</i>	171
3.	Kenaikan Pangkat Ke Pelbagai Gred Dan Jawatan <i>Promotion To Various Grades And Posts</i>	538
4.	Pemangkuan Ke Pelbagai Gred Dan Jawatan <i>Acting On Various Grades And Posts</i>	296
5.	Pelepasan Pertukaran Sementara/ Pinjaman Ke Pelbagai Jawatan <i>Temporary Transfer / Secondment To Various Posts</i>	10
6.	Hukuman Tatatertib <i>Disciplinary Control</i>	0

Mesyuarat Suruhanjaya

Suruhanjaya telah mengadakan sebanyak tiga (3) mesyuarat pada tahun 2015 iaitu dua (2) mesyuarat di Putrajaya dan satu (1) di Kuching, Sarawak.

Selain mesyuarat, kertas mengenai perkara yang memerlukan pertimbangan dan keputusan segera telah dikemukakan kepada anggota Suruhanjaya melalui kertas edaran secara elektronik melalui sistem e-Circulation SPKP. Prosedur ini dibenarkan di bawah Kaedah 17, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan 1963. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 77 kertas edaran telah dipertimbangkan melalui Sistem e-Circulation SPKP melibatkan 39 kertas edaran oleh Suruhanjaya dan 38 kertas edaran oleh Jemaah Pegawai SPKP.

Meetings Of The Commission

The Commission convened three (3) meetings in 2015 where two (2) meetings were held in Putrajaya and one (1) in Kuching, Sarawak.

Apart from the meetings, for cases that require immediate decisions paper were distributed to members of the Commission through SPKP e-Circulation system. This procedure is permitted under Rule 17, of the Judicial and Legal Service Commission Rules 1963. In 2015, a total of 77 papers were circulated electronically via the SPKP e-Circulation system in which 39 papers were considered by the Commission and 38 papers were brought up to the Board of Officers.

JEMAAH PEGAWAI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

BOARD OF OFFICERS, JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION

Jemaah Pegawai

Mengikut Fasal (6), Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan boleh mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Fasal (1), berkenaan dengan apa-apa gred perkhidmatan kepada mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya, atau kepada mana-mana lembaga pegawai itu yang dilantik olehnya, dan pegawai atau lembaga itu hendaklah menjalankan fungsi itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya itu. Sepanjang tahun 2015, SPKP telah mewakilkan kuasa kepada Peguam Cara Negara, Timbalan Peguam Cara Negara I dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan untuk menimbang dan meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen bagi pegawai undang-undang dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Board Of Officers

Under Clause (6), Article 144 of the Federal Constitution, the Judicial and Legal Service Commission may delegate to any officer in a service to which its jurisdiction extends, or to any board of such officers appointed by it, any of its functions under Clause (1) in respect of any grade of service, and that officer or board shall exercise those functions under the direction and the control of Commission. Throughout 2015, the Commission has delegated its authority to the Solicitor General, Deputy Solicitor General's I and Chief Registrar of the Federal Court to consider and approve confirmation in service and conferment of pensionable status for officers in the Judicial and Legal Service.

Kertas Untuk Pertimbangan Urusan Suruhanjaya

Secara keseluruhannya, sejumlah 122 Kertas Pertimbangan telah diputuskan oleh Suruhanjaya dan Jemaah Pegawai. Kertas tersebut termasuk yang telah diputuskan secara edaran sebanyak 77 kertas manakala 45 kertas pertimbangan melalui Mesyuarat SPKP. Butiran lengkap mengenai kertas tersebut adalah seperti di **Jadual 2** manakala **Rajah 1** menunjukkan kedudukan kertas pertimbangan yang diputuskan oleh Suruhanjaya/Jemaah Pegawai dalam mesyuarat dan secara edaran.

Papers For The Commission's Consideration

*In total, the Commission and the Board of Officers had considered 122 papers, where 77 papers were considered by electronic circulation and the other 45 papers were considered during meetings. Details of the papers are as in **Table 2** while **Figure 1** shows the percentage of papers considered during meetings and by circulation.*

Jadual 2

Table 2

**JUMLAH KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**

***NUMBER OF PAPERS FOR THE CONSIDERATION OF
THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION***

BIL. NO.	JENIS KERTAS TYPE OF PAPERS	JUMLAH KERTAS NO. OF PAPERS
1.	Urusan Pengambilan Pegawai Undang-Undang Gred L41 <i>Recruitment Of Grade L41 Legal Officers</i>	9
2.	Kenaikan Pangkat (Pelbagai Gred Dan Jawatan) <i>Promotions (Various Grades And Posts)</i>	31
3.	Pemangkuan Jawatan (Pelbagai Gred Dan Jawatan) <i>Acting Of Posts (Various Grades And Posts)</i>	20
4.	Pertukaran Sementara/ Peminjaman (Pelbagai Gred Dan Jawatan) <i>Temporary Transfer / Secondment (Various Grades And Posts)</i>	10
5.	Kawalan Tatatertib <i>Disciplinary Control</i>	0
6.	Kertas Pertimbangan (Pelbagai) <i>Consideration Papers (Various Matters)</i>	14
JUMLAH KECIL SUB-TOTAL		84

KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN JEMAAH PEGAWAI


PAPERS FOR THE CONSIDERATION OF THE BOARD OF OFFICERS

7.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan/ Pemberian Taraf Berpencen/ Opsyen KWSP/ Penentuan Gaji Permulaan <i>Confirmation In Service / Conferment Of Pensionable Status / EPF Option / Determination Of Initial Salary</i>	38
JUMLAH KECIL SUB-TOTAL		38
JUMLAH BESAR TOTAL		122

Rajah 1
Figure 1

PERATUS KERTAS PERTIMBANGAN MELALUI MESYUARAT DAN SECARA EDARAN

PERCENTAGE OF PAPERS DECIDED DURING MEETINGS AND THROUGH CIRCULATION



Pelantikan Pegawai Undang-Undang

Dalam tahun 2015, Suruhanjaya telah meluluskan pelantikan seramai 91 orang Pegawai Undang-Undang Gred L41.

Appointment Of Legal Officers

In 2015, the Commission approved the appointments of 91 Grade L41 Legal Officers.

Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pemberian Taraf Berpencen dan Penentuan Gaji Permulaan

Sepanjang tahun 2015, Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan 59 orang Pegawai Undang-Undang Gred L41. Suruhanjaya juga telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 109 orang pegawai dan penetapan gaji permulaan kepada 3 orang pegawai. Jumlah urusan pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan penentuan gaji permulaan adalah seperti di **Rajah 2**.


Confirmation In Service, Conferment Of Pensionable Status And Determination Of Initial Salary

*In 2015, the Commission approved the confirmation in service for 59 Grade L41 Legal Officers. The Commission also approved conferment of pensionable status to 109 officers and determined the initial salary to 3 officers. Number of cases for confirmation of service, conferment of pensionable status and determination of initial salary are shown in **Figure 2**.*

RAJAH 2
FIGURE 2

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN, PEMBERIAN TARAF BERPENCEN
DAN PENENTUAN GAJI PERMULAAN**

**CONFIRMATION IN SERVICE, CONFERMENT OF PENSIONABLE STATUS AND
DETERMINATION OF INITIAL SALARY**



Kenaikan Pangkat

Suruhanjaya telah meluluskan kenaikan pangkat 538 orang Pegawai Undang-Undang ke pelbagai gred / jawatan dalam tahun 2015. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

Promotion

*The Commission approved the promotion of 538 Legal Officers to various grades / posts in 2015. Detailed information as in **Table 3**.*

Jadual 3

Table 3

KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN DALAM TAHUN 2015

PROMOTION OF OFFICERS IN THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE IN 2015

BIL. NO.	NAMA JAWATAN NAME OF POST	BILANGAN PEGAWAI NO. OF OFFICERS
1.	Pegawai Undang-Undang Turus 'II' <i>Legal Officer Staff 'II'</i>	1
2.	Pegawai Undang-Undang Turus 'III' <i>Legal Officer Staff 'III'</i>	1
3.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'A' <i>Legal Officer Premier Grade 'A'</i>	7
4.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'B' <i>Legal Officer Premier Grade 'B'</i>	13
5.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'C' <i>Legal Officer Premier Grade 'C'</i>	24
6.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas 'B' <i>Legal Officer Special Grade 'B'</i>	3
7.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas 'C' <i>Legal Officer Special Grade 'C'</i>	22
8.	Pegawai Undang-Undang Gred L54 <i>Legal Officer Grade L54</i>	39
9.	Pegawai Undang-Undang Gred L52 <i>Legal Officer Grade L52</i>	48
10.	Pegawai Undang-Undang Gred L48 <i>Legal Officer Grade L48</i>	123
11.	Pegawai Undang-Undang Gred L44 <i>Legal Officer Grade L44</i>	257
JUMLAH TOTAL		538

Pemangkuan Jawatan

Dalam tahun 2015, Suruhanjaya telah meluluskan pemangkuan seramai 296 Pegawai Undang-Undang ke atas pelbagai gred/jawatan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4**.

Acting On Posts

*In 2015, the Commission approved a total of 296 Legal Officers to act on various grades/posts. Further information is in **Table 4**.*

Jadual 4
Table 4

**PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN DALAM TAHUN 2015**

ACTING ON POSTS FOR OFFICERS IN THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE IN 2015

BIL. NO.	NAMA JAWATAN NAME OF POST	BILANGAN PEGAWAI NO. OF OFFICERS
1.	Pegawai Undang-Undang Turus 'III' <i>Legal Officer Staff 'III'</i>	1
2.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'A' <i>Legal Officer Premier Grade 'A'</i>	1
3.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'B' <i>Legal Officer Premier Grade 'B'</i>	7
4.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas 'B' <i>Legal Officer Special Grade 'B'</i>	-
5.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama 'C' <i>Legal Officer Premier Grade 'C'</i>	11
6.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas 'C' <i>Legal Officer Special Grade 'C'</i>	6
7.	Pegawai Undang-Undang Gred L54 <i>Legal Officer Grade L54</i>	43
8.	Pegawai Undang-Undang Gred L52 <i>Legal Officer Grade L52</i>	50
9.	Pegawai Undang-Undang Gred L48 <i>Legal Officer Grade L48</i>	60
10.	Pegawai Undang-Undang Gred L44 <i>Legal Officer Grade L44</i>	117
JUMLAH TOTAL		296

Pertukaran Sementara Dan Peminjaman

Suruhanjaya telah meluluskan pelepasan seramai 10 orang Pegawai Undang-Undang dalam pelbagai gred untuk dilantik secara pertukaran sementara atau peminjaman bagi mengisi pelbagai jawatan di agensi seperti dalam **Jadual 5**.

Temporary Transfers And Secondment

*The Commission approved 10 Legal Officers of various grades, released to be appointed on temporary transfer or secondment to fill various posts in agencies as shown in **Table 5**.*

Jadual 5

Table 5

PEGAWAI PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN YANG DILANTIK SECARA PEMINJAMAN/ PERTUKARAN SEMENTARA DALAM TAHUN 2015

OFFICERS OF THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE APPOINTED ON SECONDMENT/ TEMPORARY TRANSFER IN 2015

BIL. NO.	NAMA JAWATAN NAME OF POST	BILANGAN PEGAWAI NO. OF OFFICERS
1.	Pengarah Kanan Penguatkuasaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia <i>Enforcement Senior Director, Companies Commission Of Malaysia</i>	1
2.	Ahli Lembaga Pencegahan Jenayah, Kementerian Dalam Negeri <i>Members Of Crime Prevention Board, Ministry Of Home Affairs</i>	1
3.	Pengerusi Tribunal, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) <i>Chairman Of Tribunal, Malaysia Co-operative Societies Commission</i>	1
4.	Setiausaha, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) <i>Secretary, Enforcement Agency Integrity Commission</i>	1
5.	Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, Kementerian Kewangan <i>Special Commissioner Of Income Tax, Ministry Of Finance</i>	3
6.	Pegawai Perdagangan Strategik, Sekretariat Perdagangan Strategik, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri <i>Strategic Trade Officer, Strategic Trade Secretariat, Ministry Of International Trade And Industry</i>	1
7.	Ketua Penolong Setiausaha, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) <i>Senior Assistant Secretary, Enforcement Agency Integrity Commission</i>	2
JUMLAH TOTAL		10

Tindakan Tatatertib

Suruhanjaya juga menjalankan fungsi Pihak Berkuasa Tatatertib bagi semua pegawai dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Dalam tahun 2015, tiada Pegawai Undang-Undang dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang dikenakan hukuman tatatertib oleh SPKP.

Disciplinary Action

The Commission also carries out the function of a Disciplinary Authority for all officers in the Judicial and Legal Service in accordance with the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993. There was no Legal Officer in the Judicial and Legal Service was held accountable for disciplinary action in year 2015 by the Commission

AKTIVITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
ACTIVITIES OF THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION



**Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ke-126
pada 6 Mac 2015 di Putrajaya**

The Judicial and Legal Service Commission's 126th Meeting on 6th March 2015 at Putrajaya

AKTIVITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
ACTIVITIES OF THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION



**Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ke-127
pada 8 September 2015 di Kuching, Sarawak**

*The Judicial and Legal Service Commission's 127th Meeting on 8th September at Kuching,
Sarawak*

AKTIVITI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
ACTIVITIES OF THE JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION



**Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ke-128
pada 1 Disember 2015 di Putrajaya**

The Judicial and Legal Service Commission's 128th Meeting on 1st December 2015 at Putrajaya



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN
JUDICIAL AND LEGAL SERVICE COMMISSION

Pusat Pentadbiran Kerajaan dan Perundangan
Federal Government Administrative Centre
Wilayah Persekutuan Putrajaya

Telefon : 03 8885 6335
Fax : 03 8888 5037

NOTA
NOTE